



KEMENTERIAN KOMUNIKASI  
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

---

### **SOKONG KESINAMBUNGAN DAN PENDEKATAN BARU PERJUANGAN PALESTIN**

Bersempena dengan Hari Telekomunikasi dan Masyarakat Berinformasi Sedunia (WTISD) yang diraikan pada 17 Mei setiap tahun, saya dedikasikan sambutan hari ini khusus untuk perjuangan rakyat Palestin dan berdoa agar kezaliman terhadap mereka segera berakhir dan perdamaian dapat dicapai.

Sebagai umat Islam dan warga dunia yang menegakkan kebenaran, keadilan dan kedamaian, kita sewajarnya terus menyokong perjuangan Palestin secara komprehensif dan konsisten, apatah lagi ketika setiap kali keganasan Israel memuncak sepertimana yang berlaku sekarang.

Di samping meneruskan agenda perjuangan Palestin yang sedia ada, kita juga perlu melihat peranan dan suntikan aspirasi 'generasi baharu' pejuang dan aktivis Palestin yang menggerakkan pendekatan-pendekatan baru, contohnya yang menggelar Israel sebagai negara apartheid.

Saya juga memantau perkembangan sesetengah platform media sosial antarabangsa yang kelihatan berat sebelah kerana terlalu mudah memadamkan kandungan yang menyokong perjuangan Palestin.

Saya menyeru kepada semua penyedia perkhidmatan telekomunikasi dan platform kandungan, sama ada di peringkat antarabangsa mahupun tempatan untuk berganding bahu dalam usaha-usaha meningkatkan kesalinghubungan internet dan memastikan penyebaran maklumat yang sahih, adil dan saksama.

**DATO' SAIFUDDIN ABDULLAH**  
**MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA**

**17 MEI 2021**



KEMENTERIAN KOMUNIKASI  
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

## **PRESS STATEMENT**

---

### **SUPPORT THE CONTINUITY AND NEW APPROACHES OF THE PALESTINIAN STRUGGLE**

In conjunction with World Telecommunication and Information Society Day (WTISD) observed on May 17th, I dedicate today's occasion to the Palestinian cause. I pray for peace and for Israel's atrocities against them to cease immediately.

As Muslims and citizens of the world who uphold truth, justice, and peace, we must comprehensively and consistently continue to support the Palestinian struggle, especially when the Israeli regime escalates its violence against innocent civilians, as it does now.

In addition to continuing the Palestinian struggle, we must also look at the role and aspirations of a new generation of Palestinian fighters and activists who have mobilized new approaches; for example, those who refer to Israel as an apartheid state.

I have also learned of and am following closely developments regarding certain social media platforms that appear to be biased because it has made too easy an effort to censor content that supports the Palestinian struggle.

I urge all telecommunications service providers and media platforms, both locally and internationally, to work together to improve connectivity and proactively ensure that the information disseminated is authentic, fair, and equitable.

**DATO' SAIFUDDIN ABDULLAH**  
**MINISTER OF COMMUNICATIONS AND MULTIMEDIA**

**17 MAY 2021**